



**SELASA, 23 FEBRUARI 2021
5.00 PETANG**

**HEBAHAN TAMBAHAN KEPADA HEBAHAN BERTARIKH 21 FEBRUARI 2021
PENGAMBILAN BARANGAN PERIBADI DI BILIK DAN STOR DESASISWA**

Selari dengan pengumuman daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Sains Malaysia (USM) akan menerima kemasukan pelajar pada semester dua bagi sidang akademik 2020/2021. Atas dasar tersebut, pihak universiti memerlukan ruang untuk tujuan isolasi. Sehubungan dengan itu, pihak universiti memohon agar para pelajar dari luar kampus untuk mengosongkan bilik masing-masing. Nerve Centre bersetuju membenarkan para pelajar hadir ke kampus bagi tujuan tersebut seperti ketetapan berikut:

TARIKH	MASA	DESASISWA	CHECKPOINT	LOADING BAY
27 Februari 2021 (Sabtu)	8.00 pagi - 5.00 petang	Aman Damai	PADANG KAWAD	Aman Damai
		Cahaya Gemilang Harapan		Cahaya Gemilang Harapan
		Restu		M01 (L) M02 (P)
28 Februari 2021 (Ahad)	8.00 pagi - 5.00 petang	Tekun		M05 (L) M06 (P)
		Saujana		Kafe M07
		Indah Kembara		Indah Kembara

Pihak universiti peka dengan situasi semasa di negara kita dan sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Sehubungan itu, untuk tujuan ini, beberapa SOP ditetapkan seperti berikut:

- 1) Pelajar perlu mengisi **Borang A** (Kebenaran khas kembali ke kampus) dan mengisi **borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19** yang boleh dicapai melalui portal pelajar iaitu <http://campusonline.usm.my>.
- 2) Dalam Borang A tersebut, pelajar perlu menyatakan "Tujuan Kembali ke Kampus" dengan memilih tujuan **Lain-lain** serta menyatakan sebab iaitu "**Mengambil barangan peribadi di desasiswa.**"

- 3) Pelajar perlu menjalani saringan risiko COVID-19 dan menyerahkan cetakan Borang A di *Checkpoint* (Padang Kawad) semasa tiba di kampus.
- 4) Pelajar perlu menaiki kenderaan sendiri untuk memasuki kampus. Mohon supaya pelajar tidak menaiki kenderaan awam untuk meminimumkan risiko pendedahan kepada wabak COVID-19.
- 5) Hanya pelajar dibenarkan mengambil barang manakala ibu bapa/waris berada di dalam kereta.
- 6) Sejurus selesai proses pengambilan barang, ibu bapa/waris dan pelajar harus segera meninggalkan kampus dan kembali ke destinasi masing-masing.
- 7) Sebarang surat sokongan untuk merentas negeri/daerah bagi tujuan tersebut boleh memohon kepada Nerve Centre melalui nerve_centre_usm@usm.my.

Tarikh dan ketetapan waktu untuk pengambilan barang tersebut adalah tetap bagi semua desasiswa kecuali Desasiswa BFPP dan diharapkan agar para pelajar dapat mematuhi. Bagi penghuni Desasiswa BFPP pula, sila rujuk Pejabat Desasiswa BFPP untuk tarikh dan waktu pengambilan barang di Desasiswa BFPP.

Para pelajar yang tidak dapat hadir sendiri pada tarikh dan waktu yang ditetapkan boleh berurusan dengan Majlis Perwakilan Desasiswa (MPD) masing-masing dan pihak MPD akan membantu pelajar menyimpan barangan tersebut di stor desasiswa. Pelajar hanya dikenakan bayaran untuk kotak yang digunakan bagi menyimpan barangan (sekiranya perlu).

PERINGATAN

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, semua pelajar digesa supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* di samping penjagaan kesihatan bagi mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit.

Sekiranya mengalami gejala COVID-19, pelajar hendaklah segera mendapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan yang berdekatan. Rawatan awal dapat mengurangkan risiko penyakit menjadi lebih kritikal.

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi talian *hotline* Bilik Gerakan USM seperti di bawah:

- 1) Kampus Induk:- 04-6532267 / 04-6536124 (Nerve Centre)
- 2) Kampus Kesihatan:- 09-7671306

3) Kampus Kejuruteraan:- 04-5995530/5531/5532/5533

4) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT):- 04-5622999

Email:- nerve_centre_usm@usm.my

PROFESOR DR. MD ROSLAN HASHIM

Pengerusi Nerve Centre COVID-19 USM

Merangkap

Timbalan Naib Canselor Kelestarian dan Pembangunan Institusi

Universiti Sains Malaysia

23 FEBRUARI 2021